

17/07/2004

PM bertegas hapus rasuah dalam kerajaan, parti

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertegas tidak akan berganjak daripada kempen membasmi rasuahnya, termasuk dalam Umno, walaupun ada kalangan tertentu yang tidak berpuas hati.

Abdullah dikatakan menimbulkan kemarahan segelintir ahli Umno berikutan kempen antirasuah dan pembaharuan ekonomi bagi menghapuskan amalan politik wang dalam parti itu.

Dalam wawancara dengan akhbar Financial Times, Perdana Menteri berkata, beliau sudah bertekad untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dengan mengurangkan kos dalam perniagaan, menentang rasuah, menghapuskan kerenah birokrasi dan meningkatkan kecekapan dalam syarikat yang mempunyai kepentingan kerajaan.

"Dengan mengurangkan rasuah, anda mengurangkan kos mengendalikan perniagaan," katanya.

Abdullah yang menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad tahun lalu berkata, beliau mahu memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran berbanding projek infrastruktur yang menelan belanja besar.

Beliau yang akan memulakan lawatan ke Amerika Syarikat dan Eropah akhir minggu ini berkata, kerajaannya akan memberi tumpuan kepada sektor pertanian dan bioteknologi tanpa mengabaikan industri pembuatan dan secara perlahan-lahan mengurangkan bajet defisit tanpa menjejaskan ekonomi menerusi potongan perbelanjaan secara mendadak.

Tindakan paling radikal dilakukan Perdana Menteri membabitkan penyusunan semula syarikat berkaitan kepentingan kerajaan menerusi Khazanah Nasional, yang menguasai satu pertiga modal Bursa Saham Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau meluluskan pelantikan tiga ketua eksekutif muda bagi Khazanah, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad, serta mengemukakan cadangan kemungkinan menyelesaikan dasar yang berbau perkauman dengan melantik bukan Melayu mengetuai syarikat sedemikian pada masa depan.

Dalam wawancara itu, Perdana Menteri berkata, beliau menjangkakan Khazanah akan berkembang ke luar negara dan melabur di Singapura, sama seperti kumpulan pelaburan awam Singapura, Temasek, yang dibenarkan menguasai lima peratus saham dalam Telekom Malaysia sebagai sebahagian program liberalisasi kerajaannya.

"Ini adalah syarikat yang besar. Oleh itu perlu ada pengurusan yang cekap dan telus. Mereka mesti bertindak lebih cekap," katanya sambil menegaskan bahawa syarikat berkaitan kerajaan yang cekap akan mengurangkan masalah.

Beliau juga mengakui masalah yang dihadapi Proton.

Syarikat itu perlu dibiarkan terus beroperasi, tetapi tidak boleh bergantung kepada subsidi kerajaan selama-lamanya serta sedang mencari rakan kongsi bagi membantu pencapaiannya.

Abdullah juga berkata, beliau akan mengemukakan pandangan negara Islam dan membangun kepada Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, dalam pertemuan mereka.

Beliau menyatakan penentangannya ke atas dasar Amerika terhadap Iraq, rakyat Palestin, sikap Washington terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta menolak cadangan menjadi `jambatan' antara Amerika dengan dunia Islam.

(END)